

Bakti alumni NTU kepada persada sastera diiktiraf

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

CINTANYA pada kesusasteraan berputik semasa menuntut di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Ketika itu, Dr Nuraliah Norasid mahu memilih kursus bahasa Inggeris. Namun, beliau tidak menyangka sebenarnya kursus yang dipilih itu kursus sastera Inggeris.

Sungguhpun demikian, beliau tidak menyangka pendedahan yang diterima membuatnya terpaut sehingga terus melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah sastera Inggeris di NTU.

Semalam, anak sulung dalam keluarga tiga beradik itu meraih Anugerah Cemerlang Alumni Muda Nanyang sebagai pengiktirafan atas sumbangannya kepada dunia sastera.

Beliau, 31 tahun, antara 37 alumni NTU yang diiktiraf atas pencapaian cemerlang masing-masing.

Mereka menerima anugerah tersebut daripada tamu terhormat Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad.

Mengulas tentang anugerah yang diterima, Dr Nuraliah, lulusan aliran sains Maktab Rendah Nanyang dan Sekolah Menengah Yishun Town, berkata apa yang menarik minat terhadap sastera ialah beliau boleh menggunakan tema dan teori yang dipelajari dalam kehidupan sebenar.

“Misalnya, jika kita meneroka tema diskriminasi serta prejudis yang dihadapi wanita, kisah dan naratif



SASTERA 'PEMBUKA' MATA: Dr Nuraliah Norasid berkata peluang mengikuti pengajian sastera Inggeris di Universiti Teknologi Nanyang telah membuka matanya supaya lebih menyelami masalah sosio-ekonomi yang dihadapi masyarakat kurang bernasib baik di Singapura. – Foto DIANA RAHIM

yang kita pelajari daripada buku boleh digunakan pada apa yang berlaku dalam kehidupan sebenar,” ujarnya.

Faktor itu jugalah yang mendorong wanita tersebut menyertai Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima) selaku pengkaji bersekutu.

Menurutnya, sastera telah mem-

buka mata dan mindanya agar lebih sedar terhadap isu-isu yang membeleggu masyarakat.

Antara isu yang dekat di hatinya ialah cabaran yang dihadapi wanita daripada kelas sosio-ekonomi rendah serta mereka yang dari kumpulan yang diketepikan.

“Kesusasteraan semestinya telah mencorak cara pemikiran saya ter-

hadap isu-isu ini dan membuat saya lebih sedar tentang keadaan golongan ini.

“Justeru, saya amat berharap, dengan anugerah ini, bukan sahaja dapat memberi inspirasi kepada orang lain, malah merangsang saya agar terus memahami cabaran dihadapi demi memperbaiki mutu kehidupan mereka,” ujarnya.